

Direman tujuh hari, kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan

# Pasangan dera anak positif dadah

KOSMO 28/05/2019 M/S 14

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS



IBU mangsa (kiri) dan suaminya (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Yan, Kedah semalam.

**YAN** - Seorang pengangur yang ditahan kerana disyaki mendera anak tirinya berusia dua tahun sehingga mati didapati positif dadah jenis methamphetamine selain mempunyai rekod jenayah lampau.

Ibu kandung kepada mangsa, Muhammad Aqil Hairi Mohd. Azrul Epindi yang ditahan bagi membantu siasatan turut didapati positif dadah jenis sama.

Ketua Polis Daerah Yan, Deputy Superintendan Shahnaz Akhtar Haji berkata, pasangan suami isteri itu direman selama tujuh hari ber-

## Budak lelaki berusia dua tahun mati didera bapa tiri

YAN - Tiga anggota pasukan keselamatan berhubung dengan kes ini termasuklah ibu bapa mangsa dan bapa tiri. Mereka dibawa ke Mahkamah Majistret Yan semalam.

KERATAN Kosmo! 27 Mei 2019.

mula semalam dan kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

“Perintah tahanan reman dikeluarkan Majistret Nurul Rasyidah Mohd. Akit di Mahkamah Majistret Yan di sini hari ini (semalam),” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata, kedua-dua suspek positif methamphetamine selain suspek lelaki mempunyai rekod lampau di

bawah Seksyen 414 Kanun Keseksaan kerana melupuskan barang curi dan Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana memiliki dadah.

Dalam pada itu, tinjauan ke rumah keluarga mangsa di Batu 19 3/4 Jalan Yan, Guar Chempedak di sini semalam mendapati rumah tidak berpenghuni dan berkunci.

Bapa saudara kepada suspek lelaki, Yusuf Kassim, 70, yang tinggal di rumah berse-

belahan berkata, dia terkejut apabila dimaklumkan kanak-kanak terbabit telah meninggal dunia.

“Saya tidak menyangka mangsa menjadi mangsa dera kerana semasa saya nampak kanak-kanak itu kira-kira tiga hari sebelum kejadian, dia kelihatan sihat,” katanya.

Tambahnya, dia juga tidak mendengar bunyi pelik selain tangisan biasa kanak-kanak dari rumah tersebut.

“Mereka jarang bergaul dan banyak berada di dalam rumah selain saya ada nampak beberapa individu tidak dikenali sering keluar masuk rumah dari rumah berkenaan,” jelasnya.